

NO. SOALAN: 20

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN
[INDERA MAHKOTA]**

TARIKH : 29 OKTOBER 2015

RUJUKAN : 8229

SOALAN:

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah usaha-usaha Kementerian untuk meningkatkan profesionalisme dan integriti pasukan polis agar kembali kepada reputasi polis negara kita pada suatu masa dahulu sebagai antara yang terbaik di rantau ini, malahan setanding dengan pasukan polis negara-negara maju. Apakah perancangan untuk meningkatkan lagi "*Police Intelligence*" kita.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Di bawah Perancangan Strategik PDRM yang telah dirangka meletakkan objektif utamanya adalah untuk melaksanakan transformasi modal insan ke arah menjadi PDRM sebagai “*World Class Policing*” dan mencapai “*Government Transformasi Programme (GTP)*” untuk meningkatkan lagi profesionalisme dan integriti PDRM secara lebih terancang. Antara langkah yang telah diambil adalah seperti berikut:-

- i) Bagi menjamin Integriti anggota pasukan PDRM di tahap yang tinggi, Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) telah ditubuhkan pada 25 Julai 2014 yang menggabungkan Urusetia KPN Integriti (Tatatertib), Bahagian Agama dan Kaunseling (BAKA) dan Bahagian Naziran setiap Jabatan untuk memperkemaskan lagi tindakan yang diambil dan mengatur program yang bersesuaian dalam melahirkan anggota polis yang berhemah tinggi dan tidak menyalahgunakan kuasa semasa menjalankan tugas.**

- ii) Bagi meningkatkan pengetahuan dan ilmu bagi anggota PDRM, langkah terbaharu telah diperkenalkan seperti berikut:-**

- a) Kelayakan masuk dalam perkhidmatan polis telah ditingkatkan iaitu:-**
- i. Kemasukan untuk jawatan Inspektor hendaklah mempunyai kelulusan di peringkat Ijazah dengan kepujian atau Sarjana atau Doktor Falsafah (PhD)**
 - ii. Kemasukan untuk jawatan Sarjan mempunyai kelulusan di peringkat Diploma**
 - iii. Kemasukan di peringkat Konstabel mempunyai kelulusan di peringkat SPM**
- b) Mengadakan Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Universiti-universiti tempatan dan luar negara untuk menghantar lebih ramai pegawai melanjutkan pelajaran terutama di peringkat Sarjana dan PhD di bidang-bidang yang terpilih.**
- c) Mengadakan latihan dalam perkhidmatan (LDP) dan kursus ulang kaji bagi pegawai dan anggota lain-lain pangkat di Institusi-institusi PDRM untuk mempelajari cara atau kaedah terkini dalam penyiasatan atau Modus Operandi (MO) yang digunakan oleh penjenayah.**

iii) Bagi meningkatkan lagi “*Police intelligence*”, hubungan kerjasama dengan pasukan polis serantau dan antarabangsa dipertingkatkan melalui ASEANAPOL dan INTERPOL dalam berkongsi maklumat dan kepakaran.